

**Selepas disiasat kerana wajah badut Najib, Fahmi dipanggil SKMM untuk poster lain**  
**Malaysian Insider**  
**Feb 28, 2016**  
**Oleh Diyana Ibrahim**

Meskipun terlepas daripada ditahan polis, aktivis Fahmi Reza yang menyampaikan kritiknya dengan melukis imej Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berwajah badut diminta hadir ke pejabat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) untuk memberi keterangan esok.

Menurut Fahmi, beliau diminta untuk hadir ke pejabat SKMM kerana dimaklumkan suruhanjaya itu akan membuka siasatan baharu terhadap satu lagi poster yang dipercayai dilukisnya.

"Esok aku diminta untuk hadir ke SKMM kerana mereka kata akan buka siasatan ke atas satu lagi gambar di Cyberjaya jam 11 pagi," katanya kepada pemberita di depan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi di Kuala Lumpur petang ini.

Fahmi hadir ke IPD Dang Wangi kira-kira jam 4 petang tadi untuk merakamkan keterangan berhubung lukisan imej muka Najib berwajah badut berwarna hitam putih dan dimuat naik dalam laman sosial pada Januari lalu.

Beliau disiasat mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia dan Seksyen 504 Kanun Keseksaan.

Apabila ditanya apakah siasatan baharu yang akan dibuka SKMM, peguamnya Shah Redzan Johan berkata, mereka juga tidak tahu gambar apa yang dimaksudkan badan itu.

"Kita tidak tahu poster yang mana kerana tidak diberitahu dengan jelas, kerana itu kita tidak mahu membuat tekaan sekarang," katanya.

Pada masa sama, Fahmi yang mengakui tidak menyangka akan dilepaskan polis berkata, beliau memberi kerjasama sepenuhnya semasa disoal siasat dengan menjawab semua soalan.

"Memang aku fikir tadi aku masuk kena tangkap tetapi aku dilepaskan.

"Pertama polis yang ambil keterangan aku sangat profesional, cara mereka jelaskan kenapa nak rakamkan keterangan aku sangat profesional dan pada aku, itu patut diberi kredit.

"Kedua dia tanya banyak soalan dan aku jawab kesemua soalan yang diberi. Aku rasa itu penting, aku tak jawab saya 'akan jawab di mahkamah', aku langsung tak guna ayat itu," katanya.

Fahmi turut mendedahkan antara soalan ditanya polis ialah siapa yang mereka grafik

gambar itu dan di manakah gambar asal Najib digunakan dalam lukisan itu.

Katanya, polis juga turut menanyakan adakah beliau sendiri yang memuat naik gambar tersebut.

"Semua aku jawab ya, sebab aku tak sorok apa-apa. Sebab macam aku cakap, aku tak nampak apa yang aku salah dengan membuat gambar itu dan melukis gambar itu

"Itu cara aku ekspres pandangan aku tentang apa berlaku di negara ini dan aku rasa kenapa salah untuk kita mengkritik perdana menteri," katanya.

Bagaimanapun Fahmi berkata apabila diminta nombor akses untuk memasuki laman sosialnya beliau menolak untuk memberikannya kepada polis.

"Itu yang aku tidak jawab, kerana aku tidak mahu disalahgunakan kerana ia akuan peribadi aku.

"Tapi aku cakap aku akan beri kerjasama sekiranya SKMM mahu akses akaun aku untuk membuat siasatan, maksudnya aku akan berada di sana dan mereka tunjuk lah gambar apa mereka nak dan aku akan bagi," katanya.

Fahmi turut mengakui akan terus melakukan apa yang dilakukan ketika ini dengan melukis gambar pemimpin dengan imej satira.

"Saya akan buat apa yang saya buat, lukis gambar ahli politik, pemimpin sekiranya mereka membuat onar," katanya.

Terdahulu kehadiran Fahmi ke IPD Dang Wangi disambut lebih daripada 10 orang rakan-rakannya..

Fahmi sebelum masuk ke IPD Dang wangi dilihat turut membawa gambar lukisan imej badut Najib dengan tulisan "kita semua penghasut". – 28 Februari, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/selepas-disiasat-kerana-wajah-badut-najib-fahmi-dipanggil-skmm-untuk-poster>